



**UCAPAN PERASMIAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
PADA  
MAJLIS PELANCARAN INDUK KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2025 (OSHMP 2025)  
BERSEMPENA  
SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN (OSH WEEK 2021)  
PERINGKAT JKPP NEGERI MELAKA  
TARIKH: 14 OKTOBER 2021 (KHAMIS) , MASA: 9.00 PAGI  
DI HOTEL MITC MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Allahuma Solli Ála Sayyidina Muhammad Waála Ali Sayyidina Muhammad.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia;

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Wira Ar. Hj Ismail Othman,  
EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja  
dan Hal Ehwal Pengguna;

Yang Berusaha Encik Ir. Zailee bin Dollah,  
Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan  
Pekerjaan Malaysia;

Yang Berusaha Encik Mohd Anuar bin Embi,  
Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan),  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia;

Yang Berusaha Puan Ts Hazlina binti Yon,  
Pengerusi Teras Strategi 3 Pelan Induk Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan 2025 (OSHMP25),  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Putrajaya;

Yang Berusaha Dr. Rabaayah binti Daud,  
Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Melaka;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian  
Sumber Manusia Negeri Melaka;

Pegawai-pegawai JKPP Melaka dan Ahli Jawatankuasa  
Webinar OSHMP 2025;

Seterusnya peserta-peserta Webinar OSHMP25 yang saya hormati sekalian.

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, kita dapat sama-sama berkumpul secara bersemuka di Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2025 (OSHMP 2025) sempena Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) 2021 Peringkat Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia Negeri Melaka kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pada pagi ini.
  
3. Secara peribadi, saya gembira apabila dapat bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan setelah sekian lama kita tidak boleh melaksanakan sebarang majlis secara bersemuka demi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

## **Pengenalan OSH Week dan Konsep OSH Week**

4. Sebagaimana dimaklumkan oleh Tuan Ketua Pengarah JKKP Malaysia, Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih dikenali sebagai *OSH Week* adalah acara tahunan yang disambut pada minggu ke-2 bulan Julai setiap tahun bermula sejak tahun 2006.
  
5. Saya turut dimaklumkan, pada tahun ini, tema atau konsep *OSH Week* adalah "*KKP Inklusif* iaitu *Kebersamaan dan Komitmen*". Konsep ini adalah satu konsep baharu yang digunakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan selari dengan

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP 2021-2025) yang telah dirasmikan pelancarannya pada 13 Oktober 2021 oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia.

6. Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 atau *Occupational Safety and Health Master Plan 2021-2025* (OSHMP25) adalah satu strategi dan program yang dirangka bagi melonjakkan tahap KKP negara ke peringkat yang lebih cemerlang, bertujuan melindungi sumber manusia, yang merupakan aset paling penting dan utama dalam menjayakan program pembangunan



negara, sekali gus merealisasikan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

### **OSHMP25 STRATEGI 3 KKP MELALUI PENDIDIKAN**

7. Di bawah Teras Strategik 3, OSHMP 2021-2025, Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) adalah merupakan faktor penting dalam memastikan setiap pekerja mendapat latihan yang mencukupi tentang KKP selain memantapkan lagi agenda penyelidikan KKP yang mencerminkan komitmen negara untuk terus

meningkatkan keupayaan sedia ada melalui penyelidikan bermutu tinggi.

8. Saya percaya, dengan berteraskan sifat pendidikan yang berciri mampan (*sustainable*) ini, para pekerja mestilah memiliki daya usaha yang berterusan serta sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya untuk memastikan tercapainya hasrat pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) mengenai KKP.
9. Oleh itu, kesedaran dan pendidikan KKP adalah penting bagi memastikan semua majikan dan pekerja mendapat ilmu dan kemahiran yang mencukupi tentang KKP agar terbentuknya amalan KKP yang

baik pada semua peringkat, termasuk peringkat paling asas, yakni pra-sekolah atau tadika.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Hadirin hadirat sekalian,

10. Sekolah-sekolah juga sudah mula beroperasi, maka nilai-nilai KKP ini bolehlah mula diterapkan kepada pelajar-pelajar melalui subjek seperti Reka bentuk Teknologi (RBT) dan subjek-subjek kemahiran serta aktiviti kokurikulum melalui kelab-kelab dan persatuan berkaitan KKP. Manakala institusi pendidikan tinggi pula boleh mengambil langkah yang serupa dalam mendidik para pelajar bagi memahami dan mempersiapkan diri untuk

mengamalkan KKP tatkala memasuki alam pekerjaan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

11. Dalam konteks alam pekerjaan, memandangkan kita juga sudah hampir beralih ke Fasa Keempat Pelan Pemulihan Negara (PPN), selepas ini semua pekerja akan bekerja di pejabat seperti biasa. Pendek kata, para majikan sudah pun merancang program-program pembangunan profesional mengenai KKP untuk para pekerja. Ini termasuklah melatih para pekerja mengamalkan amalan terbaik semasa bekerja.

12. Selain itu, peranan media massa dan media sosial juga semakin signifikan, di mana negara dan negeri Melaka khususnya sedang dalam fasa ke arah pendigitalan. Saya yakin, platform atas talian boleh menjadi landasan yang baik dalam mempromosikan nilai-nilai KKP untuk para pekerja seperti pengiklanan digital di *YouTube*, *Facebook*, *Instagram*, dan *Twitter*.
13. Di samping itu, usaha – usaha dalam penyelidikan pula memainkan peranan penting bagi memastikan adanya peningkatan kualiti yang berterusan melalui penentuan pencapaian KKP semasa untuk melihat prospek pencapaian KKP di masa akan datang,

seterusnya melonjakkan agenda KKP negara dan menjadi pemacu pembangunan negara khususnya dalam hala tuju menjadi sebuah negara maju.

14. Justeru, bagi mencapai matlamat ini, pihak kerajaan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) perlu membuat pembaharuan yang ketara dengan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam pembentukan dan pelaksanaannya, sesuai dengan nilai utama OSHMP 2025 iaitu inklusif, serta melibatkan komitmen pelbagai agensi, selain terpandu dengan piawaian antarabangsa sebagai penanda aras menjelang penghujung tahun 2025.

15. Kerajaan negeri menyambut baik pelaksanaan OSHMP 2025 ini dan amat menggalakkan keterlibatan aktif daripada semua pemegang taruh. Justeru, JKPP akan dapat memberikan sepenuh komitmen terhadap aspek penguatkuasaan. Bahkan juga, perundangan KKP juga perlu terus diperkemaskan, sekali gus dapat membantu menurunkan kadar kemalangan dan kematian berkaitan pekerjaan di negara ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

16. Sekali lagi, tahniah diucapkan kepada jawatankuasa penganjur di atas komitmen bagi menjayakan penganjuran majlis pada hari ini. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada semua peserta yang hadir di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan sambutan ini.
  
17. Akhir kata, dengan kalimah suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Pelancaran dan Webinar Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 bersempena sambutan Minggu Keselamatan dan



Kesihatan Pekerjaan (OSH Week) 2021 Peringkat  
Negeri Melaka.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهَدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**-TAMAT-**